

[Home](#) / [2025](#) / [January](#) /

Pelajar-Pelajar Semester Akhir BEVA Diraikan Di Majlis Pra-Graduan FSPPP 2024 Yang Bertemakan “Arabian Night”

SDG

08/01/2025 / MOHD IDHAM MOHD YUSOF



SEREMBAN, 7 Disember 2024 – Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban dengan kerjasama semua persatuan dalaman fakulti telah menganjurkan Majlis Pra-Graduan bagi meraikan pelajar-pelajar

semester akhir program diploma dan ijazah sarjana muda. Majlis yang gilang-gemilang tersebut telah diadakan di Ruang Damai Grand Hall Seremban dengan bertemakan “Arabian Night”. Majlis yang diadakan pada setiap semester itu telah berjaya menghimpunkan seramai 250 orang kakitangan akademik dan pelajar semester akhir FSPPP termasuk program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar (AM226) atau lebih dikenali dengan BEVA. Matlamat utama majlis adalah untuk meraikan pelajar-pelajar yang bakal menamatkan pengajian mereka serta meninggalkan memori yang manis setelah tamat pengajian kelak.

Majlis dimulakan seawal jam 8.00 malam dengan ketibaan para pelajar dan pensyarah-pensyarah FSPPP. Majlis telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh pengacara majlis, diikuti bacaan doa dan ucapan perasmian oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Nor Hafizah Mohamed Harith Dekan FSPPP. Dalam ucapannya, beliau mengucapkan tahniah kepada semua pelajar semester akhir atas kejayaan mereka dan berharap mereka akan terus membawa nama baik fakulti ke peringkat yang lebih tinggi serta dapat menyumbang selaku alumni FSPPP pada masa akan datang. Majlis turut diserikan dengan persembahan pelajar dan pensyarah, beserta dengan cabutan bertuah. Acara kemuncak merupakan penganugerahan King & Queen MPG 2024 yang telah menggayakan busana paling menarik sesuai dengan tema MPG kali ini iaitu Arabian Night. Majlis diakhiri dengan tayangan video yang menampilkan kompilasi gambar-gambar dan video sepanjang tempoh pengajian para pelajar. Program MPG seperti ini akan diteruskan dimasa hadapan kerana ianya akan dapat mewujudkan hubungan yang baik serta mengeratkan silaturrahim dikalangan warga FSPPP. Secara keseluruhannya, program ini telah menepati Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang kedua iaitu SDG 2 (Zero Hunger).

Nama Penulis: Dinah Zahirah Zulkifli, Mohd Idham Mohd Yusof



Tags: [Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi \(FSPPP\)](#), [Persatuan Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar \(BEVA\)](#), [SDG](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\) Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban](#)

□ [Plantation Crop Day 2.0 at Faculty of Plantation and Agrotechnology: Fostering Skill and Sustainability in Agriculture](#)

[352 Mahasiswa Sertai Webinar Youth4SDG, Tingkat Kesedaran SDG](#) □

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA
(UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

